


Art & Literatur - Generasi

Pg: 25-29

ctr. no: 0000275299

ART 2016/AD2



WASILAH PEMBENTUKAN MODAL INSAN PENYAIR MELAYU ZAMAN SITC (1922-1957)

OLEH NAAPIE MAT DAN NORAZIMAH ZAKARIA

Sultan Idris Training College (SITC) merupakan antara pusat pemangkin perubahan fikiran orang Melayu sebelum kemerdekaan. Perkembangan kesusasteraan di institusi ini dapat dilihat dalam sajak moden mereka pada era itu. Selain melatih para bakal guru untuk sekolah-sekolah Melayu, institusi ini juga merupakan sebuah pusat yang melahirkan golongan penulis dalam kalangan guru Melayu (Naapie, 2004). Hal ini dibuktikan dengan kelahiran ramai tokoh bahasa dan kesusasteraan Melayu, seperti Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurrashid, Abdullah Sidek, Muhd. Yassin Makmur, dan Ahmad Murad Nasaruddin. Mereka merupakan golongan penulis kalangan guru yang berperanan besar untuk mendidik semangat nasionalisme kepada masyarakat Melayu melalui penulisan mereka.

Peranan dan sumbangan SITC pada dekad itu amatlah penting, iaitu bertujuan untuk melahirkan guru yang mendidik anak Melayu di kampung, seperti yang diharapkan oleh pihak Inggeris. Kedatangan Jepun ke Tanah Melayu telah menyekat aspirasi guru pelatih ini untuk meneruskan pembelajaran mereka di situ. Sumbangan lain yang lebih menonjol adalah dalam bidang politik dan kesusasteraan.

Lepasan SITC turut mempengaruhi gerakan kesusasteraan Melayu pada sebelum dan selepas zaman perang, yakni sebelum

dan selepas kedatangan Jepun ke Tanah Melayu. Beberapa orang guru dan pelajar lepasan SITC banyak menyumbangkan jasa dalam kegiatan sastra di Tanah Melayu. Antara guru tersebut, termasuklah Abdul Hadi Hassan, Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurrasyid, Buyong Adil, Masuri SN, Awang Had Salleh, dan Za'ba. Melalui penulisan mereka, golongan ini menyalurkan pemikiran terkehadapan dan banyak memperingatkan kita tentang ketinggalan dan nasib orang Melayu di tanah airnya sendiri. Hasil penulisan mereka lebih bersifat menaikkan semangat kebangsaan dan pembentukan jati diri.

Pada waktu itu juga, penulis muda SITC terus berkarya. Antara penulis ini termasuk Masuri SN, Armuhata, Halim Anuar, dan Mas. Situasi iklim politik pada masa itu memberikan kesempatan kepada penulis muda SITC mengutarakan tema yang lebih terbuka sifatnya, seperti puisi Melayu yang dihasilkan oleh Masuri SN. Masuri SN merupakan penulis yang cukup produktif sejak tahun 1940-an sehingga sekitar tahun 1950-an. Beliau giat menulis puisi bertemakan nasionalisme. Kamaruzzaman Abd. Kadir (1982:40) menjelaskan:

...sepanjang *period* 1933-1941 ini, tertlahit golongan guru Melayu lepasan SITC telah mengambil peranan penting dalam penulisan sajak. Penulisannya dipelopori oleh Pungguk dengan sajak-sajaknya "Di Tengah Segara" yang disiarkan dalam *Majalah Guru*, Jilid 10.13 Disember 1933, iaitu apabila beliau menjadi pengarang majalah tersebut.

Berdasarkan kajian lepas, kebanyakan kajian berkaitan puisi moden dilihat dari aspek struktur dan tema puisi nukilan penyair. Bagi kajian ini, pengkaji akan meneliti aspek puisi yang dinukilkan oleh penyair SITC sekitar tahun 1922 hingga 1957 sebagai wasitah kepada pembentukan modal insan.

Rahman Shaari (1998) menyatakan, dalam sejarah puisi tanah air, para guru lepasan SITC ialah pelopor puisi, dan di tangan mereka juga puisi Melayu mencapai tingkat yang mantap, seterusnya maju hingga tahap yang dapat dilihat hari ini. Menurutnyanya lagi, "hakikat betapa penting sumbangan mereka tidak mungkin diketepikan oleh sesiapa pun." Namun begitu, buku sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu secara amnya tidak meletakkan SITC sebagai ikon yang melahirkan para penulis mampan tanah air.

Pada zaman awal, kebaryikan puisi Melayu telah menunjukkan bibit kebijaksanaan. Pengkritik kembali menganggap bahawa puisi bukan sahaja alat melahirkan perasaan tetapi juga intelek. Pada tahun-tahun sebelum kemerdekaan, telah timbul suatu permulaan dalam kebebasan berfikir dan menulis. Dalam hal ini, penulisan puisi bukan sahaja mempersoalkan ideologi sosialisme secara langsung (antara isu intelektual yang diangkat pada masa itu), tetapi turut membincangkan masalah manusia di sekelilingnya.

Menurut Ahmad Kamal Abdullah (1994), puisi moden yang dihasilkan pada peringkat awal zaman itu dapat disebut sebagai zaman megah kesusasteraan. Seni bahasa melalui sastera mekar dengan terbitnya puisi melalui media.

Analisis Puisi Zaman SITC

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, terdapat sejumlah sajak yang dihasilkan dari tahun 1922 hingga 1957 yang berkisar tentang semangat perjuangan, masalah nasib bangsa, dan ciri patriotisme yang menjadi landasan pembinaan modal insan. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 1 yang berikut:

BIL.	TEMA	TAJUK SAJAK	TERBITAN	JUMLAH
1.	Nasib Bangsa	"Idam-Idaman"	<i>Idaman</i> April 1940	1
2.	Nasib Bangsa	"Kedudukan Melayu di Malaya"	<i>Idaman</i> September 1941	1
3.	Nasib Bangsa	"Apa Akal...?"	<i>Idaman</i> Julai 1940	1
4.	Nasib Bangsa	"Oh!... Mawar"	<i>Bulan Melayu</i> April 1936	1
5.	Nasib Bangsa	"Ajakan"	<i>Warta Jenaka</i> Februari 1937	1
6.	Nasib Bangsa	"Pertanyaan Sukma"	<i>Warta Jenaka</i> Februari 1937	1
7.	Nasib Bangsa	"Bisikan Sukma"	<i>Bulan Melayu</i> Julai 1937	1
8.	Nasib Bangsa	"Rayuan Tanah Air"	<i>Idaman</i> Mac, 1941	1
9.	Nasib Bangsa	"Maafkan Beta"	<i>Idaman</i> Julai 1941	1
10.	Nasib Bangsa	"Keluh Kesah"	<i>Majalah Guru</i> Mac 1934	1 (10)
11.	Semangat Perjuangan	"Darah Muda"	<i>Idaman</i> September 1941	1
12.	Semangat Perjuangan	"Di Tepi Pantai"	<i>Bulan Melayu</i> Julai 1936	1
13.	Semangat Perjuangan	"Pesannya kepada Dinda"	<i>Utusan Zaman</i> 31 Mei 1940	1
14.	Semangat Perjuangan	"Lambaian Jiwa"	<i>Utusan Zaman</i> 31 Mei 1940	1
15.	Semangat Perjuangan	"Berjuanglah Wahai Penganjur"	<i>Idaman</i> 1 Mei 1941	1
16.	Semangat Perjuangan	"Semangat Pahlawan"	<i>Chenderamata</i> 1952	1
17.	Semangat Perjuangan	"Pemimpin"	<i>Chenderamata</i> 1952	1
18.	Semangat Perjuangan	"Perjuangan"	<i>Chenderamata</i> 1953	1
19.	Semangat Perjuangan	"Kita Pasti Merdeka"	<i>Chenderamata</i> 1956	1
20.	Semangat Perjuangan	"Kalau Berani"	<i>Bulan Melayu</i> April 1936	1 (10)

Jadual 1: Bilangan sajak yang bertemakan patriotisme.

Daripada 65 sajak yang dikumpul dan disaring, hanya 20 sajak yang memiliki wasilah perjuangan untuk membina keyakinan patriotisme. Sajak tersebut dapat dibahagikan kepada dua subtema, iaitu memerihalkan "nasib bangsa" sebanyak 10 sajak dan "semangat perjuangan" sebanyak 10 sajak. Berdasarkan Jadual 1 juga, karya tersebut telah disiarkan dalam akhbar dan majalah tempatan. Antaranya, termasuk *Idaman*, *Bulan Melayu*, *Warta Jenaka* dan *Utusan Zaman*. Empat buah sajak diterbitkan dalam majalah *Chenderamata*. Majalah ini merupakan majalah tahunan terbitan SITC.

Antara penyumbang dalam penulisan sajak pada dekad itu dapat dilihat dalam Jadual 2, seperti yang berikut:

BIL.	PENGARANG	PENERBITAN	BILANGAN SAJAK
1.	Cintati	<i>Idaman</i>	4
2.	Kasmani Haji Arif, Ngumba, Pungguk dan Alma Jiwa	<i>Bulan Melayu</i> <i>Warta Jenaka</i>	3
3.	Ngumba	<i>Utusan Zaman</i> <i>Idaman</i>	2
4.	Pungguk	<i>Majalah Guru</i>	1
5.	Md. Shuhri Bin Abd. Majid	<i>Chenderamata</i> 1952	1
6.	M. Noor	<i>Chenderamata</i> 1952	1
7.	Kamari/Laman Yahaya	<i>Chenderamata</i> 1953	1
8.	Ab. Rasim bin Njahi	<i>Chenderamata</i> 1956	1
9.	Alma Jiwa	<i>Bulan Melayu</i>	1
JUMLAH SAJAK:			20

Jadual 2: Pengarang dan penerbitan.

Daripada Jadual 2 tersebut, didapati nama seperti Cintati, Kasmani Haji Arif, Ngumba, Pungguk dan Alma Jiwa merupakan pengarang yang menyumbangkan karya dalam akhbar dan majalah yang diterbitkan pada masa itu. Nama mereka dikenali sebagai penyair kerana karya mereka dibaca secara meluas pada masa itu. Sumbangan mereka tertumpu pada karya yang bertemakan nasib bangsa dan semangat perjuangan. Manakala, nama-nama lain menyiarkan karya mereka dalam majalah *Chenderamata*. Karya mereka masih terikat pada suasana dekad itu; iaitu perjuangan membebaskan negara daripada belenggu penjajah.

Nasib Bangsa

Kesedaran terhadap bangsa Melayu, terutamanya pada beberapa dekad merupakan aspek penting yang ditemui dalam sajak yang dihasilkan oleh beberapa pengarang pada masa itu. Walaupun mereka meneruskan pengajian untuk menjadi seorang guru, mereka cukup prihatin dengan nasib bangsa di setiap sudut tanah air. Mereka sedar dengan keadaan negara yang masih berada di bawah pemerintahan British. Oleh itu, mereka mampu bersuara untuk memberikan harapan kepada bangsanya.

Kesedaran nasib terhadap bangsa Melayu menyebabkan mereka berasa bertanggungjawab untuk menimbulkan rasa cinta akan tanah air. Kesedaran ini disuarakan oleh Cintati dalam sajaknya yang bertajuk "Idam Idaman", seperti pada rangkap satu yang berikut:

Apa-apa yang kita idamkan seantero bangsa kita Melayu
Kiranya benda yang diidam tak dapat. Mahukah kita merayu?
Kalau payah. Dura mahukah kita berhati sayu?
Hingga terlengkap. Lingkup diarak. Diusung oleh sang bayu?

(*Idaman* 1 April 1940)

Cintati mengharapkan bangsanya peka dan prihatin dengan masalah yang membelenggu hidup. Pengarang mengharapkan bangsanya mempunyai semangat waja dan jangan cepat putus asa dengan suasana dan keadaan yang berlaku. Pengarang juga mahukan bangsanya bersedia menghadapi segala kepayahan dan kesukaran.

Kadangkala, kekuatan bangsa Melayu tidak konsisten. Pengarang masih menaruh curiga dengan semangat juang bangsa Melayu untuk menentang penjajah. Pendirian (*stance*) yang longgar menyebabkan pengarang masih berasa bangsa Melayu pada masa itu dipermainkan malah masih tidak bersatu padu untuk berusaha bagi membina kekuatan nasionalisme. Kecurigaan Cintati dapat dilihat dalam sajaknya bertajuk "Kedudukan Melayu di Malaya". Hal ini dapat dilihat pada dua rangkap terakhir sajaknya:

Memang! Memang! Melayulah turus tonggak di Malaya ini,
Bertuanku Melayu, taat setia serta gagah berani,
Di tawarikh dunia tertumpang, terlukis hingga ke zaman kini,
Termasyhur diketahui ke serata dunia oleh kebanyakan insani.

Tetapi mengapa? Ya mengapa? Gah dan masyhur itu apa...?
Rupa-rupanya menepati kata pepatah: "indah khabar dari rupa".
Sebabnya di bandar, di kota, di gudang, di kilang, di ladang, itu siapa?
Mana Melayu? Oh Melayu! Mengapa bersembunyi? Mengapa alpa?

(*Idaman* 1 September 1941)

Secara realis, ternyata Cintati memiliki semangat jati diri yang kuat untuk membelah nasib bangsanya, bangsa Melayu. Cintati menyeru bangsa Melayu supaya jangan leka dan alpa dengan kedudukan yang ada pada masa itu. Cintati tidak mahu bangsa Melayu gah dengan ketuanan yang ada tetapi nasib hidup masih berada pada tahap kemiskinan. Bangsa lain secara sewenang-wenangnya menguasai semua sektor ekonomi dan sosial, baik di kota, gudang, kilang dan juga ladang pertanian.

Manakala, dalam sajak bertajuk "Apa Akal...?" (*Idaman* 1 Julai 1940), Cintati tetap memberikan gesaan kepada bangsanya supaya tampan dengan menggunakan akal yang bijak bagi membina hidup yang lebih selesa. Beliau menyeru supaya bangsanya bekerja keras untuk memperoleh kejayaan yang lebih selesa. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa baris sajak satu rangkap ini; *Apa akal...? Supaya tak tewas? Buatlah perlahan-lahan hilang was-was!... Ubahlah tabiat, jangan jadi bayan!*

Seseorang penyair memiliki rasa tanggungjawab sosial untuk menyeru bangsanya supaya berada pada landasan kehidupan yang sebenar. Apatah lagi jika berada dalam suasana negara yang dijajah oleh bangsa asing. SITC sebelum kemerdekaan masih memberikan ruang kepada guru pelatih untuk melancarkan rasa tanggungjawab dan memberikan rangsangan kepada bangsanya supaya bangkit dan membina kesedaran yang

mendalam. Dalam sajak "Ajakan", Kasmani Haji Arif mengajak pemuda bangsanya cepat bertindak untuk menyelesaikan segala masalah hidup. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap kelima sajak tersebut:

Kata yang bererti:

*Di dunia...
Kita bersedia
Selagi muda...
Kita bekerja
Selagi gagah
Kita berbekal
Supaya tidak menyesal kemudian.*

(Warta Jenaka 1 Februari 1937)

Kasmani Haji Arif turut terasa dengan nasib negara yang dijajah. Masalah masyarakat yang ditindas bukan lagi isu yang terpencil, malah ekonomi negara turut dirampas dan dibiarkan tanpa apa-apa halangan. Bangsanya sendiri membiarkan keadaan ini berlaku secara sewenang-wenangnya. Hal ini dapat dilihat pada rangkap kedua dalam sajaknya yang bertajuk "Pertanyaan Sukma":

*Bagaimana hati
Tak sedih?
Buah lebat
Dalam taman
Habis dijolak
Orang datang.*

(Warta Jenaka 1 Februari 1937)

Gaya menyeru dalam sajak-sajak Kasmani Haji Arif dikongsi bersama oleh Ngumba. Jika Kasmani menggunakan simbol *taman* dan *buah lebat* bagi maksud harta kekayaan negara, Ngumba pula menggunakan simbol *emas* dan *perak* untuk memberikan makna harta negara yang dibawa keluar oleh penjajah. Menyadari hakikat ini, Ngumba menyeru supaya bangsanya sedar akan tragedi yang menimpa ekonomi negara. Adakalanya bangsa Melayu cepat terpedaya dengan pujuk rayu golongan penjajah. Dengan nada marah, Ngumba melontarkan rasa kekecewaannya kepada pemimpin (institusi raja, para pembesar dan pegawai kerajaan) dan bangsanya melalui sajaknya yang bertajuk "Rayuan Tanah Air":

(Rangkap 2) *Aku ini bumi Malaya. Telah tergadai terjual
Hanya dewa pembesarku memegang Tanah Melayu
Datuk nenekku tidak terpelihara. Dan tiada terkawal
Dagang menipu dengan pujukan yang merdu sayu.*

(Rangkap 4) *Sampailah hatimu wahai umat. Biarkan aku semalang ini?
Digenggam si dagang. Bangsa lintah penghisap dara?
Dia pelombong. Dia peniaga dan berkaum tani
Melainkan aku. Kian hari semakin pupus dan parah!*

(Rangkap 5) *Kalau engkau sebenarnya sayang dan cinta kepada bumiku
Bangkitlah wahai pemuda. Harapan bangsa menuntut bela
Sengselang lengan. Kemaskan diri. Tampil mengaku
Watan Semenanjung. Pusaka Melayu. Sejak dari purbakala.*

(Idaman 1 Mac 1941)

Ngumba secara berterus-terang dan penuh keberanian menyeru pemuda bangsanya untuk bangkit berjuang menentang penjajah. Baginya, bangsa Melayu mesti berani kerana tanah air pada masa itu merupakan pusaka nenek moyang. Beliau tidak sanggup melihat tanah airnya tergadai kepada bangsa yang datang untuk menjajah dan mengumpul segala harta kekayaan negara.

Di samping Ngumba, Cintati dan Kasmani yang menyeru bangsanya untuk bangkit berjuang, pengarang lain turut mempunyai pemikiran, hasrat dan nada perjuangan yang sama, seperti Pungguk melalui sajaknya, "Maafkan Beta" (*Idaman* 1 Julai 1941) dan "Keluh Kesah" (*Majalah Guru Mac* 1934). Bagi Dharmawijaya (1989), secara umumnya, setiap sajak yang dihasilkan sepanjang zaman tersebut menyampaikan persoalan yang agak mudah difahami. Hal ini dikatakan demikian kerana sajak-sajak ini dihasilkan dengan tujuan untuk menyampaikan amanat kepada pembaca secara terus-terang. Pada dekad permulaan sastera moden ini, pembaharuan yang penting adalah untuk menyatakan perasaan dan fikiran secara lebih tegas, berani, bebas dan lantang.

Semangat Perjuangan

Suasana sebelum merdeka memberikan impak yang tinggi terhadap pengarang yang belajar dan berada di SITC pada masa itu. Menurut Ali Ahmad (1974), tema sajak yang tersiar pada era itu nyata berkisarkan tema perjuangan yang menuntut kemerdekaan. Tema ini mendapat tempat yang paling utama sekali. Kedudukan ini jelas mencerminkan betapa besarnya kebangkitan semangat bangsa Melayu dewasa itu untuk menegakkan sebuah negara merdeka. Suara perjuangan yang menegakkan kedaulatan tanah air dan bangsa menjadi ucapan yang paling lantang. Ali Ahmad (1984) kemudian menjelaskan, dalam tema semangat kemerdekaan untuk tanah air, muncul juga perasaan cinta pada keagungan dan ketinggian kebudayaan Melayu itu sendiri.

Kesedaran perjuangan terhadap negara bertolak daripada hasrat dalaman untuk menanamkan rasa cinta akan tanah air. Perihal ini dapat

dilihat dalam harapan Cintati kepada bangsanya yang cukup tinggi. Cintati juga menyeru, terutama golongan muda, supaya bangkit dan berhati-hati menghadapi hidup yang penuh dengan pancaroba. Hal ini menandakan isi hati Cintati yang amat sayang dengan bangsanya. Dalam sajaknya, "Darah Muda", Cintati mengajak golongan muda supaya berazam dan jangan cepat putus asa. Baginya, golongan mudalah yang akan mewarisi kedaulatan tanah air. Golongan muda yang mempunyai semangat waja mampu bergerak dan mengajak masyarakatnya supaya memahami masalah dan kedudukan semasa negara yang berada di bawah belunggu penjajah, seperti yang dilihat pada baris-baris sajaknya yang berikut:

*Syabas! Darah muda dipusakai oleh pemuda. Begitulah kita
Kitalah yang bertanggungjawab menjaga tanah air di serata-rata
Kitalah yang diharap oleh bangsa bergerak, bekerja serta
Dan kitalah pula yang diminta jadi penerang kebabaran pandangan mata*

(Idaman 1 September 1941)

Seorang lagi pengarang keluaran SITC yang memiliki kuasa kepenyairan yang berpengaruh tinggi ialah Kasmani Haji Arif yang berasal dari Singapura. Beliau tidak terlepas daripada menggunakan genre puisi untuk menyuarakan kesumat yang ada dalam batinnya. Kasmani turut menyeru seperti Cintati agar golongan muda jangan cepat leka dengan keadaan dan suasana yang menyelubungi kehidupan semasa. Gamitan kesedaran bangsa ini disampaikan dalam sajaknya yang bertajuk "Di Tepi Pantai". Walaupun disampaikan dengan unsur melankolik, Kasmani telah menyelitkan penggunaan bahasa yang kemas untuk menyeru bangsanya supaya berwaspada, jangan cepat mengalah, dan melarikan diri daripada masalah. Golongan muda harus mempunyai semangat juang yang tinggi. Hal ini jelas terlihat dalam rangkap "Di Tepi Pantai" yang berikut:

*Ranjan menanti dengan senyuman
Pura-pura berlidung menyembunyikan diri
Sengat mengena penuh berkuman
Sebab kurang iktir sendiri
Tatkala hati menjadi duka
Segala-galanya haram tak sedap
Selalu juga bersalah sangka
Bunga melur dikatakan dedap*

(Bulan Melayu Julai 1936)

Ngumba melalui sajak "Lambaian Jiwa" pula cuba mengajak golongan remaja untuk memahami perasaan dan jiwanya. Ngumba mengajak para remaja untuk bekerjasama dengannya bagi menyahut cabaran membebaskan negara daripada belunggu penjajah. Hasrat yang sedikit dan kecil ini dapat dilihat dalam beberapa baris yang berikut:

*Oh pemuda! Wahai pemuda!!
Mari kita berikat jiwa
Mari bersama mengasah budi
Agar bangsa tidak kecewa!
...
Itulah lambaian dari jiwaku
Menyeru umat bekerjasama!*

(Utusan Zaman 31 Mei 1940)

Ternyata, Ngumba mahukan kerjasama daripada seluruh rakyat bagi merealisasikan perjuangan yang kental. Walaupun nada suaranya mendayu dan disampaikan secara melankolik, tetapi hasratnya cukup kuat. Nilai patriotisme yang sudah tertanam dalam jiwanya disuarakan dengan penuh hemah. Suara Ngumba bercampur aduk antara kelembutan dengan kekerasan. Namun, hasratnya tetap berada pada satu landasan, yakni mengajak masyarakat untuk berjuang menentang penjajah. Hakikat dan hasrat hatinya dapat juga dilihat dalam sajak "Berjuanglah Wahai Penganjur":